

Rezeki nelayan darat **terjejas**

Penyusutan empangan kolam Bukit Merah jeaskan pendapatan, harap paras air kembali normal

GUNUNG SEMANGGOL - Lebih 50 nelayan darat di sekitar kolam Bukit Merah mengharapkan keadaan empangan kolam yang menjadi punca rezeki seharian kembali pulih dan paras ketinggian air normal seperti dahulu.

Sejak keadaan empangan kolam Bukit Merah hampir kering dua bulan lalu, air takungan di kawasan empangan itu masih tidak memenuhi paras ketinggian normal dan tidak menakung kawasan paya di kawasan Kampung Selamat di sini.

Penduduk hanya dikenali Asmawi 34, berkata, sejak keadaan air kolam Bukit Merah kering, nelayan darat terutama dari Kampung Selamat mengalami kesukaran mendapatkan aksesibiliti untuk ke luar ke tengah-tengah kolam bagi mencari rezeki berikutan setiap alur-alur kecil turut kering.

Menurutnya, senario itu menyebabkan ramai nelayan terpaksa memindahkan lokasi pendaratan ikan yang agak jauh dari lokasi sedia ada bagi memastikan mereka masih mampu meneruskan kehidupan seharian sebagai nelayan.

"Tidak keterlaluan untuk saya maklumkan ada juga yang tidak turun ke kolam Bukit Merah dan terpaksa kerja kampung lain bagi meneruskan kehidupan seharian," katanya.

Asmawi berkata, pemandangan pinggir empangan kolam Bukit



Tiga sampan nelayan yang terkandas tidak dapat turun ke empangan kolam Bukit Merah.

Merah kini seakan-akan seperti Hutan Royal Belum, Tasik Bandedj sekali gus menyebabkan lokasi ini menjadi tumpuan pengunjung luar bagi tujuan rakaman gambar.

"Selain itu, lokasi pinggir kolam berhampiran Kampung Selamat juga turut menggigit kehadiran ramai pasangan pengantin merakamkan gambar latar belakang tunggultunggul kayu unik itu.

"Namun, kami amat berharap

keadaan paras air empangan kolam Bukit Merah kembali pulih seperti dahulu memandangkan pekerjaan nelayan adalah satu-satunya punca pendapatan kami," katanya.

Jual apa sahaja hasil tangkapan

Sementara itu, Ketua Kampung Bukit Merah, Muhamad Nor Hasan berkata, sejak fenomena El-Nino menjejaskan empangan Kolam Bukit Merah lebih dua bulan lalu, pendapatan nelayan setempat diakui semakin berkurangan.

Menurutnya, hakikat itu tidak dapat dinafikan memandangkan keadaan empangan kolam yang masih tidak mencapai paras ketinggian normal menyebabkan nelayan sukar keluar ke kawasan pertengahan tasik.

"Tidak dinafikan pendapatan nelayan turut terjejas berikutan ke-



HASMI



MUHAMAD NOOR

kurangan hasil tangkapan.

"Kalau dahulu nelayan di sini hanya menangkap jenis ikan terpilih dan mahal sahaja seperti toman, baung, ketutu dan sebagainya, namun mereka kini terpaksa menjual apa sahaja hasil tangkapan ikan walaupun dengan harga rendah.

"Selain masalah penyusutan hasil tangkapan ikan, penduduk turut melahirkan kebimbangan fenomena paras air empangan kolam Bukit Merah

kritikal berulang kembali berikutan keadaan taburan hujan terlalu sedikit bermula Ramadan lalu," katanya.

Muhammad Nor berkata, di sebalik kebimbangan itu, pihaknya percaya pisang tidak akan berbuah dua kali.

"Keadaan empangan kolam hampir kering mungkin tidak akan berlaku sekali lagi berikutan rujukan dibuat pihaknya bersama beberapa agensi kerajaan terlibat menjangkakan daerah Kerian akan menerima musim hujan tidak lama lagi.

"Kami berharap jangkaan dibuat itu tepat memandangkan penduduk sekitar Dun Gunung Semanggol dan Dun Selinsing sudah tidak mampu menerima senario sama berulang kali kedua," katanya.

Kedalaman empangan cecah 7 meter

Dalam pada itu, Jurutera Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Kerian, Ir Hasmi Mat berkata, kedalaman empangan kolam Bukit Merah kini mencecah 7 meter iaitu dalam keadaan paras berjaga-jaga.

Menurutnya, kadar taburan hujan agak sedikit sejak sebulan lalu membuatkan air takungan tersebut sedikit menyusut.

"Memang diakui terdapat penyusutan air sejak sebulan lalu berikutan kadar taburan hujan agak sedikit.


"Bagaimanapun, bekalan air bersih masih mencukupi manakala urusan pengaliran air ke terusan sawah di kompartmen G dan H iaitu kawasan Gunung Semanggol dan Selinsing dijalankan seperti biasa," katanya.

Ditanya kebimbangan penduduk terhadap kemungkinan fenomena paras air empangan kolam Bukit Merah kritikal sebelum ini mungkin berulang, Ir Hasmi menegaskan pihaknya yakin kemungkinan terbahit tidak akan berlaku.

"Hal ini berikutan penelitian dari semasa ke semasa JPS Kerian mendapati Kerian bakal mengalami musim taburan hujan tidak lama lagi.

"Justeru, saya ingin menasihati penduduk daerah Kerian supaya tidak bimbang dengan senario penyusutan air empangan berlaku ketika ini dan sentiasa mendapatkan informasi betul daripada agensi kerajaan bertanggungjawab bagi mengelakkan berlaku kekeliruan atau panik," katanya.

Keadaan empangan kolam Bukit Merah dari pintu air Kampung Selamat.



Empangan kolam Bukit Merah terus mencatatkan penyusutan berikutan kadar taburan hujan agak kurang sejak sebulan lalu.



Keadaan empangan kolam Bukit Merah dirakam dari bahagian atas Kampung Balik Bukit, Gunung Semanggol.